

## **Pertandingan Foto Tahunan CGAP Dibuka untuk Penyertaan**

WASHINGTON, 29 Jun 2016 /PRNewswire/ -- Pertandingan Foto Tahunan CGAP ke-11 kini dibuka untuk penyertaan dengan 7 September 2016 sebagai tarikh akhir untuk menghantar penyertaan. Jurugambar amatir dan professional dijemput untuk berkongsi imej asli dan berimpak tinggi yang menggambarkan kepentingan akses terhadap perkhidmatan kewangan untuk penduduk di seluruh dunia.

Inovasi digital, termasuklah peningkatan penggunaan telefon pintar, dan produk kewangan yang lebih mesra pelanggan telah memudahkan golongan miskin dan yang tinggal di luar bandar untuk menguruskan kewangan harian, mengembangkan perniagaan, dan bergerak balas dalam situasi kecemasan. Walau bagaimanapun, 2 billion penduduk dunia masih tidak mendapat akses perkhidmatan kewangan asas seperti akaun simpanan dan kredit. Merapatkan jurang ini boleh mengurangkan kemiskinan tegar dan meningkatkan kemakmuran.

Berlandaskan hal tersebut, Pertandingan Foto tahun ini mencari gambar yang menceritakan empat tema berikut:

- Wang mudah alih dan inovasi dalam kewangan digital
- Memperkasa ekonomi wanita
- Daya Tahan
- Perniagaan kecil

Penyertaan boleh melambangkan produk, institusi, dan pendekatan berkisarkan tema di atas dan menyentuh isu yang pelbagai seperti sosial, ekonomi, pembangunan, dan teknologi. Penyertaan dialu-alukan tidak mengira rantau, termasuklah daripada latar belakang bandar ataupun luar bandar.

Jrugambar yang memenangi pertandingan itu akan menerima hadiah dan gambar mereka akan dimasyurkan dalam beberapa kategori seperti kategori rantau, pilihan orang ramai, dan khas dalam keempat-empat tema yang telah ditetapkan. Pertandingan edisi 2015 telah menerima lebih 3,300 penyertaan daripada jurugambar dari 77 negara. Pemenang telah diumumkan oleh penerbitan media terbaik global dan dilihat puluhan ribu kali secara dalam talian.

[Hantarkan gambar anda >>](#)

Lihat pemenang Pertandingan Foto CGAP 2015 [disini](#).

**CGAP (Consultative Group to Assist the Poor)** adalah satu kerjasama global antara 34 organisasi terkemuka untuk mencari penyelesaian terhadap isu kewangan. CGAP membangunkan penyelesaian inovatif melalui penyelidikan praktikal dan bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan kewangan, penggubal polisi, dan penyumbang dana untuk membolehkan mereka meluaskan cakupan usaha mereka. Berpangkalan di World Bank, CGAP menggabungkan satu pendekatan pragmatik terhadap pembangunan pasaran yang

bertanggungjawab dengan platform sokongan berasaskan bukti untuk meningkatkan akses terhadap perkhidmatan kewangan yang diperlukan golongan miskin untuk menambah baik kehidupan mereka. Maklumat lanjut boleh diperolehi di <http://www.cgap.org/>.

HUBUNGI: Esther Lee Rosen, [erosen@worldbank.org](mailto:erosen@worldbank.org), +1 (202) 458-0147